



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2014/05/18 (HQ)**

### **TNB SUMBANG RM500,000 KEPADA AKADEMI HOKI RAJA ASHMAN SHAH AHF-MHC**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** hari ini telah menyerahkan cek sumbangan bernilai RM500,000 kepada Akademi Hoki Raja Ashman Shah Persekutuan Hoki Asia (AHF)-Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Cek telah diserahkan oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie kepada Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ketika Pertandingan Golf Piala Temengor 2014 di Palm Garden Golf Club, Putrajaya.

Tujuan penubuhan akademi ini adalah untuk memberi sokongan kepada pembangunan hoki di Asia dengan melahirkan jurulatih, pengadil, pengurus dan pegawai teknikal dari semua 34 buah negara yang menjadi ahli kelab AHF.

“Selari dengan sokongan pembangunan hoki negara, ini dapat mengukuhkan imej dan jenama TNB sebagai syarikat GLC yang menerajui Pembangunan sukan hoki di negara ini,” kata Tan Sri Leo Moggie.

Beliau menambah, ini adalah salah satu usaha dalam merakyatkan sukan hoki dalam kalangan masyarakat di negara ini sekaligus menjulang nama Malaysia sebagai kuasa besar dalam arena hoki.

Turut hadir Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry Abd Kadir dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Y.Bhg. Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

#### **Dikeluarkan di Putrajaya pada 4 Mei 2014**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi*

*Md Derus Bunchit di talian 019-2662296 atau Maizatul Nadiah Saadon di talian 017-381 6602*